

PARLIMEN-GAS

1982
KUALA LUMPUR, 1 NOV. (BERNAMA) -- PETRONAS AKAN DAPAT MEMBEKALKAN GAS KE RUMAH-RUMAH DAN KOMPLEKS PERINDUSTRIAN TERENGGANU AKHIR TAHUN 1984 ATAUPUN AWAL TAHUN BERIKUTNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA MENGIKUT PERINGKAT PERTAMA PROJEK ITU PETRONAS AKAN MEMBEKALKAN GAS KE STESYEN JANALETRIK PAKA, KOMPLEKS BESI WAJA DAN KOMPLEKS PERUMAHAN DI KERTEH.

SEBUAH LOGI PEMEROBESAN GAS YANG SEDANG DIBINA DI KERTEH DIJANGKA

SIAP PERTENGAHAN TAHUN 1984, KATANYA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK AZHARUL ABIDIN ABDUL RAHIM (BN-BATANG PADANG) SEMASA SOAL JAWAB.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERJA-KERJA MEMBINA SEBUAH LOGI DAN SISTEM PAIP GAS DI NEGERI ITU DIJANGKA BERMULA AWAL TAHUN DEPAN.

MENGENAI RANCANGAN MEMBEKAL GAS KE RUMAH-RUMAH DI NEGERI-NEGERI LAIN DI SEMENANJUNG DAN KEMUNGKINAN KE SINGAPURA, BELIAU BERKATA PETRONAS SEDANG MENJALANKAN KERJA-KERJA AWAL TERMASUK KAJIAN-KAJIAN KENALPASTI DAN PEMILIHAN LALUAN PAIP GAS KE STESEN JANALETRIK LLN DI PELABUHAN KELANG, PORT DICKSON DAN PASIR GUDANG. --LAGI 1600/AZ

ZCZC B553:

PARLIMEN-GAS 2 KUALA LUMPUR

KATA PERDANA MENTERI, SELEPAS KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWALAN INI SIAP NANTI, PETRONAS AKAN MELANTIK JURUTERA PERUNDING BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA REKABENTUK KEJURUTERAAN DAN KERJA-KERJA PEMBINAAN.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK MOHAMED AMIN HAJI DAUD (BN-PEKAN), BELIAU BERKATA HARGA GAS MEMASAK ITU MUNGKIN AKAN TURUN DARI HARGA SEKARANG APABILA BEKALAN MELALUI SALURAN PAIP DILAKSANAKAN KELAK.

BAGAIMANAPUN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, KERAJAAN MASIH MENYIASAT KOS YANG TERLIBAT BAGI MENGETAHUI SEJAUH MANA KESANNYA KEPADA HARGA YANG DIKENAKAN KELAK.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA HASRAT KERAJAAN IALAH SUPAYA PEMBEKALAN GAS TERUS KE RUMAH ITU KELAK AKAN DAPAT MENURUNKAN PERBELANJAAN KELUARGA.

KEPADA SOALAN ENCIK YEW FOO WENG (BN-MENGLEMBU) YANG INGIN TAHU SAMA ADA PENGGUNAAN GAS YANG DISALURKAN TERUS KE RUMAH ITU BERBAHAYA, PERDANA MENTERI BERKATA BEKALAN GAS SEUMPAMA INI BUKANNYA BATU PERKARA BARU KERANA IA SEDANG DILAKSANAKAN DI EROPAH,
-- LAGI 1603/AZ

PARLIMEN-GAS 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PENGGUNAAN GAS INI MEMANG BERBAHAYA JIKA TIDAK TAHU MENGGUNAKANNYA SEBAGAIMANA ELEKTRIK BOLEH MENYEBABKAN KEJUTAN ELEKTRIK JIKA DISALAHGUNAKANNYA.

KEPADA SOALAN DR. TAN SENG GIAH (DAP-KEPUNG) PULA, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH TERLALU AWAL UNTUK MENENTUKAN PERATURAN BILANGAN PEKERJA-PEKERJA ASING DAN TEMPATAN YANG AKAN DIAMBIL DALAM PROJEK GAS INI.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA SUDAH TENTU PEKERJA TEMPATAN LEBIH RAMAI AKAN DIAMBIL KELAK.

KEPADA PERTANYAAN HAJI HASHIM ENDUT (BN-HULU MUDA), BELIAU BERKATA KERAJAAN MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MENGGUNAKAN GAS PETROLEUM CECAIR (LPG) DI KERETA-KERETA. -- BERNAMA 1709/HM